

1984

PONTIAN, 8 MEI (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MAHU PENDUDUK LUAR BANDAR MENYERTAI SKIM KAMPUNG TERSUSUN YANG DILAKSANAKAN OLEH KERAJAAN BAGI MENINGGIKAN TARAF HIDUP DAN MEMBASMI KEMISKINAN DI KALANGAN MEREKA.

PERDANA MENTERI BERKATA SKIM ITU YANG DIPERUNTUKKAN DI BAWAH KAJIAN SEPARUH PENGGAL RANCANGAN MALAYSIA KEEMPAT ADALAH UNTUK MENYATUKAN KAMPUNG-KAMPUNG YANG KECIL DAN BERSELERAK MENJADI SATU KAMPUNG BESAR YANG DAPAT DIBEKALKAN DENGAN SEGALA KEMUDAHAN.

DENGAN INI, PENDUDUK DESA AKAN DAPAT MENIKMATI KEMUDAHAN SEPERTI KEDAI-KEDAI, KLINIK, HOSPITAL, BEKALAN AIR DAN API SERTA SEKOLAH SEPERTI YANG TERDAPAT DI BANDAR-BANDAR, KATANYA SEMASA MERASMIKAN PROJEK KAMPUNG TERSUSUN DAN TABUNG PEMBANGUNAN SOSIO-EKONOMI PEKEBUN KECIL DI KAMPUNG PARIT SERAYA DEKAT SINI.

DALAM MAJLIS YANG HADIRI OLEH 10,000 ORANG TERMASUK PARA PEMBESAR NEGERI, PERDANA MENTERI MENERIMA 510 JUTA YANG MERUPAKAN CARUMAN PERMULAAN TABUNG ITU YANG BERTUJUAN MENINGGIKAN HASIL KEBUN DAN PENDAPATAN KELUARGA MELALUI RANCANGAN-RANCANGAN PEMBANGUNAN SOSIO-EKONOMI SERTA UNTUK BANTUAN KEWANGAN BAGI PEKEBUN-PEKEBUN KECIL DAN KELUARGA MEREKA DI SELURUH NEGARA.

PROJEK MINI ESTET KAMPUNG PARIT SERAYA YANG MULA DITANAM DENGAN KELAPA SAWIT PADA AWAL TAHUN 1980 MELIBATKAN 71 ORANG PESERTA DI KAWASAN SELUAS 124.3 HEKTAR.

-- LAGI 1510/LK
MAHATHIR-PEKEBUN 2 PONTIAN

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENEKANKAN PENTINGNYA PENYERTAAN PENDUDUK DESA DALAM PROJEK KAMPUNG BERKELOMPOK YANG TERSUSUN KERANA TANPA KERJASAMA MEREKA, SKIM ITU AKAN GAGAL DAN MEREKA TIDAK AKAN MERASAI MANFAATNYA.

TUJUAN MEWUJUDKAN SKIM ITU BUKAN UNTUK KEPENTINGAN KERJAAN TETAPI UNTUK MEMBANTU RAKYAT DESA MENGATASI KEMISKINAN.

KERAJAAN BERPENDAPAT TIDAK GUNA MEMBERI DUIT RINGGIT KEPADA YANG MISKIN KERANA SEBANYAK MANA DUIT YANG DIBERI AKAN HABIS JUGA. TETAPI JIKA DIBERI LATIHAN, SESEORANG ITU BOLEH Mencari PENDAPATAN SENDIRI DAN MENJADI BEBAS DAN BERDIKARI," TAMBAHNYA.

PERDANA MENTERI MEMINTA PENDUDUK DESA JANGAN TERPENGARUH DENGAN DAKWAAN GOLONGAN +YANG TIDAK SENANG+ MELIHAT MEREKA MENCAPAI KEJAYAAN KONONNYA SKIM ITU TIDAK BERFAEDAH.

BELIAU MEMBERI JAMINAN BAHAWA MENERUSI SKIM ITU, PENDAPATAN PENDUDUK DESA AKAN BERTAMBAH DAN DENGAN INI HASRAT KERAJAAN MENYUSUN SEMULA MASYARAKAT DESA DAN MENJADIKAN NEGARA INI, BERJAYA DAN BAHAGIA AKAN DAPAT TERCAPAI.

MAHATHIR-PEKEBUN 3 PONTIAN

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA KEWIBIKINAN PEMANG TERDAPAT DI NEGARA INI, TETAPI MENYEDARI WUJUDNYA KEWIBIKINAN TANPA BERTINDAK MENCATASINYA TIDAK AKAN MELENYAPKAN KEWIBIKINAN ITU.

KATANYA, PENANGGUNG JAWAB KEWIBIKINAN MEMERLUKAN KERJASAMA MEREKA YANG TERLIBAT SENDIRI IAITU PENDUDUK DESA.

MENURUTNYA, LADANG KECIL GETAH AMAT LUAS IAITU 2/3 DARI LADANG GETAH DI NEGARA INI DAN JIKA DICANTUNKAN, IA DAPAT DIURUSKAN MENJADI ESTET BESAR YANG MENGGUNAKAN TEKNOLOGI MODEN DAN CARA PEMABARAN LEBIH BAIK YANG BOLEH MENARBAHKAN PENDAPATAN PENDUDUK DESA.

PENCANTUNAN ITU BUKAN BERNAMaksud MENGAMBIL ALIH LADANG GETAH PEKEBUN KECIL TETAPI UNTUK MENJADIKAN MEREKA PENILIK AGAR PENGELUARAN GETAH MEREKA LEBIH TINGGI DAN MEREKA BOLEH MENIKMATI SARA HIDUP YANG LEBIH BANYAK.

KATANYA, DENGAN WUJUDNYA ESTET BESAR DAN KAMPUNG TERSUSUN, PENDUDUK BERTAMBAH RAKAT DAN MEREKA BOLEH MENARBAH DUMBER PERNIAGAAN DENGAN MEMBUKA KEDAI-KEDAI ATAU PUSAT MERSELE SELAM SEPERTI YANG TERDAPAT DI BANDAR-BANDAR.

-- LASEI 1331/LK

MAHATHIR-PEKEBUN 4 PONTIAN

PERDANA MENTERI BERKATA WUJUDNYA KAMPUNG TERSUSUN BERTA PENGKALAN SEGALA KEMUDAHAN AKAN MEMBOLEHKAN PENUBUHAN INDUSTRI KECIL YANG MEMBERI PELUANG PEKERJAAN KEPADA PENDUDUK DESA.

DI AKHIR MAJLIS, DATUK SERI DR. MAHATHIR MENYAMPAIKAN \$117,136.77 SEN HASIL KUTIPAN 70 ORANG PESERTA MINI ESTET KAMPUNG PARIT SERAYA KEPADA WAKIL MEREKA, HAJI SABRI ABDUL AZIZ.

PERDANA MENTERI JUGA MELANAT RUHAM PESERTA SKIM ITU DAN MINI ESTET YANG DIUSAHAKAN OLEH PARA PESERTA.

-- BERNAMA 1338/LK